

**KENYATAAN MEDIA**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**

**PHARMANIAGA LANCAR PENGGUNAAN KENDERAAN  
ELEKTRIK BAGI PENGHANTARAN UBAT-UBATAN**

**KUANTAN, 26 SEPTEMBER 2022** – Pharmaniaga Berhad (Pharmaniaga), melalui anak syarikat milik penuhnya, Pharmaniaga Logistics Sdn Bhd (PLSB), adalah antara syarikat farmaseutikal pertama di Malaysia menyahut seruan Kerajaan di bawah inisiatif Aspirasi Rendah Karbon 2040 dengan melancarkan penggunaan kenderaan elektrik (EV) bagi penghantaran ubat-ubatan di beberapa kawasan sekitar Lembah Klang.

EV milik Pharmaniaga ini telah dilancarkan oleh Jeneral Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang, Panglima Angkatan Tentera sempena Sambutan Ulang Tahun Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) ke-50 di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia Kuantan, Pahang.

Operasi penghantaran ubat-ubatan ke klinik-klinik kesihatan dan hospital-hospital Kerajaan menggunakan dua kenderaan EV baharu tersebut akan bermula pada bulan Oktober.

Usaha ini adalah sebahagian daripada usaha kelestarian jangka panjang Syarikat dalam mengurangkan pelepasan Gas Rumah Hijau (GHG), dan pada masa yang sama menyokong seruan Kerajaan untuk pelepasan rendah karbon di bawah inisiatif Aspirasi Karbon Rendah 2040. Inisiatif berkenaan merupakan sebahagian daripada Dasar Tenaga Negara 2022 – 2040 yang dilancarkan baru-baru ini oleh Kerajaan dengan menyasarkan 50% penggunaan pengangkutan awam dengan sekurang-kurangnya 38% penggunaan EV menjelang 2040.

Datuk Zulkarnain Md Eusope, Pengarah Urusan Kumpulan Pharmaniaga Berhad berkata, “Sebagai salah satu GLC terbesar di Malaysia, kami menyahut seruan Kerajaan untuk mencapai aspirasi ini bagi menjamin kelestarian dan pembangunan negara yang mampan, pada masa sama mampu mencapai matlamat karbon neutral di Malaysia pada 2040.

“Kami bercadang menambah bilangan kenderaan EV kepada 30% dalam tiga tahun akan datang, seterusnya meningkatkan bilangan kepada 60% menjelang tahun 2028. Pada tahun 2035, kami mensasarkan penggunaan penuh kenderaan EV di seluruh rangkaian ekosistem pengangkutan logistik Syarikat,” ujar beliau.

Penggunaan kenderaan EV baharu ini akan membolehkan PLSB melalui Bukti Konsep (*Proof of Concept*) mencuba kebolehlaksanaan penerapan teknologi EV dalam kumpulan logistik sedia ada pada beberapa bulan akan datang. Selepas percubaan ini berjaya, Syarikat akan mengkaji untuk meningkatkan bilangan EV bagi penghantaran ubat-ubatan ke daerah yang lebih jauh di dalam negara.

“Melalui usaha ini, kami mensasarkan penjimatan kos dalam operasi logistik dan pengurangan dalam pelepasan GHG yang signifikan menjelang 2025. Selain daripada EV, kami juga sedang melihat pendekatan yang lebih holistik merentasi operasi perniagaan kami yang pelbagai iaitu melalui Program Dekarbonisasi yang merangkumi pelbagai projek seperti Projek Kecekapan Tenaga (*Energy Efficiency Project*), Projek Tenaga Boleh Diperbaharui - Solar (*Renewable Energy Solar Project*) dan Perdagangan karbon (*Carbon Trading*),” sambung Datuk Zulkarnain.

PLSB adalah pemacu utama Syarikat untuk perkhidmatan logistik dan edaran yang membekalkan produk dan ubat-ubatan serta penjagaan kesihatan yang cekap di seluruh negara terutamanya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, institusi kerajaan serta hospital-hospital swasta. PLSB memiliki lima pusat pengedaran yang terletak secara strategik di Selangor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak dengan saiz pengangkutan lebih daripada 200 kenderaan yang beroperasi melalui udara, air dan darat untuk memastikan penghantaran produk dari pintu ke pintu yang cekap dan tepat pada masanya.

Lokasi pusat pengedaran yang strategik dan rangkaian pengedaran yang cekap membolehkan Syarikat menembusi rangkaian penghantaran yang lebih luas di seluruh negara, menjadikan Pharmaniaga sebagai rakan kongsi logistik dan pengedaran pilihan utama Kerajaan.

Pharmaniaga adalah sayap perniagaan farmaseutikal untuk Kumpulan Boustead Holdings Berhad dan bersama-sama Lembaga Tabung Angkatan Tentera, merupakan pemegang-pemegang saham utama Syarikat.

-TAMAT-

---

**MENGENAI PHARMANIAGA BERHAD**

Pharmaniaga Berhad adalah ahli Kumpulan Boustead dan merupakan sebuah syarikat perkhidmatan kesihatan bersepadu yang terbesar di Malaysia. Tersenarai di Bursa Malaysia, teras perniagaan Kumpulan Pharmaniaga adalah logistik dan pengedaran produk farmaseutikal; pembuatan produk farmaseutikal generik dan peranti perubatan; pemasaran dan jualan; penyelidikan dan pembangunan; pembekal dan pemasangan peralatan perubatan, serta farmasi komuniti. Dengan kekuatan dan kepakaran merentasi rangkaian perkhidmatan kesihatan, operasi perniagaan Kumpulan Pharmaniaga berkembang teguh di Malaysia dan meluaskan pasaran dengan membina tapak di Indonesia dan Vietnam, sekaligus mengukuhkan kedudukan syarikat sebagai peneraju serantau dalam arena farmaseutikal antarabangsa.

**Dikeluarkan untuk Kumpulan Pharmaniaga oleh Jabatan Komunikasi Korporat, Pharmaniaga Berhad. Untuk sebarang pertanyaan, hubungi Dato' Najmuddin Abdullah di talian 019-3387777 atau melalui emel najmuddin@pharmaniaga.com**